

MAHATHIR R'R'R'

DARI REJAL ARBEE
1982

NEW YORK, 29 SEPT. (BERNAMA) -- KEKUATAN EKONOMI TIAP-TIAP NEGARA ANGGOTA ASEAN PERLULAH DIBINA TERLEBIH DAHULU SEBELUM ALIRAN PERDAGANGAN YANG BEBAS DAPAT DIWUJUDKAN DI KALANGAN MEREKA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DI SINI SEMALAM.

INI AKAN MENJAMINKAN FAEDAH-FAEDAH DARIPADA PENGHAPUSAN SEKATAN-SEKATAN PERDAGANGAN DAPAT DINIKMATI BERSAMA DAN TIDAK SEHALA SAHAJA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KEPADA SEKUMPULAN PAKAR AMERIKA MENGENAI HAL EHWAL ASIA DAN LAIN-LAIN PENASIHAT DASAR LUAR YANG BERPENGARUH DALAM SATU JAMUAN TENGAHARI DI PARK AVENUE DI SINI. UCAPANNYA BERTAJUK +PENDEKATAN SERANTAU KE ARAH KESTABILAN.+

BELIAU MEMBERITAHU SEKUMPULAN KIRA-KIRA 30 ORANG PAKAR ITU YANG MENGGANGGOTAI PERSATUAN ASIA DAN MAJLIS BAGI HUBUNGAN LUAR BAHAWA KERAJAAN-KERAJAAN NEGARA ASEAN DAN MASYARAKAT PERNIAGAANNYA TIDAK TERGESA-GESA HENDAK MENGHAPUSKAN SEKATAN-SEKATAN TARIFF ITU.

+KEKUATAN EKONOMI SETIAP NEGARA ITU MESTILAH DIBINA DAHULU SEBELUM MEREKA BOLEH MEMBUKA LUAS PINTU-PINTU PERDAGANGAN. ADALAH DIHARAPKAN BAHAWA PADA MASA ITU, ALIRAN ITU TIDAK AKAN CUMA SEHALUAN. FAEDAH-FAEDAH DARIPADANYA JUGA HENDAKLAH DAPAT DINIKMATI BERSAMA.+ -- LAGI 0952/MK

MAHATHIR 2 NEW YORK R'R'R'

SAMBIL MENYANGKAL SALAHANGGAPAN DI KALANGAN ORANG ASING BAHAWA ASEAN TELAH GAGAL, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KUMPULAN ITU TELAH BERJAYA KERANA IA TELAH MENDATANGKAN KEMAKMURAN DAN KESTABILAN KEPADA PARA ANGGOTANYA.

BAGAIMANAPUN, KESTABILANNYA MASIH DIANCAM OLEH NEGARA-NEGARA BUKAN ANGGOTANYA.

+TETAPI ASEAN TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA WALAUPUN IA BUKAN MERUPAKAN SATU KUMPULAN KETENTERAAN, IA BOLEH MENYELARASKAN DASAR-DASARNYA BAGI MENGHINDAR GANGGUAN SEPerti YANG DITUMPUKAN KEPADA NEGARA-NEGARA YANG BERDIRI SECARA BERSENDIRIAN DAN YANG MENGALAMI KESULITAN EKONOMI.

+DI ANTARA KERJASAMA YANG DIATUR OLEH ASEAN UNTUK MENCEGAH
ANCAMAN-ANCAMAN IALAH KONSEP KAWASAN AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI
(ZOPFAN) YANG MEMERLUKAN KERJASAMA KUASA-KUASA BESAR.
+WALAUPUN KERJASAMA SEUMPAMA ITU BELUM TERBAYANG, NAMUN KUASA-
KUASA BESAR TIDAK PULA BERSEDIA MENYATAKAN YANG MEREKA MENOLAK
KEAMANAN, KESEBASAN DAN KEBERKECUALIAN DI ASIA TENGGARA.
+SECARA NEGATIF, KONSEP ZOPFAN TELAH TERLAKSANA,+ TAMBAH PERDANA
MENTERI. -- LAGI 1015/MK

8504

MAHATHIR 3 NEW YORK 2'2'2'

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEJAYAAN-KEJAYAAN PERTAMA DAN
TERBESAR ASEAN IALAH PERTUKARAN PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN
PENTADBIRAN BERSAMA YANG TELAH MEWUJUDKAN PERTUMBUHAN DAN
KESTABILAN EKONOMI.

+MALAH, WALAUPUN PROSES POLITIK ADALAH BERBEZA, PENDEKATAN-
PENDEKATAN DAN CARA PENGENDALIAN MASALAH ADALAH HAMPİR SERUPA DAN
DENGAN ITU MENAMBAHKAN KESTABILAN POLITIK KEPADA KEADAAN SECARA
KESELURUHAN.

+HARI INI ASEAN BERLIMA ADALAH MAKMUR DAN STABIL--BERBANDING
DENGAN BAHAGIAN LAIN DI DUNIA DAN BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA
BARU MERDEKA.+

BELIAU BERKATA TIDAK BOLEH DINAFIKAN BAHAWA KELIMA-LIMA NEGARA
ANGGOTA ASEAN TELAH MENCAPI KEMAJUAN YANG MEMBANGGAKAN DI DALAM
DUNIA DI MANA PERTUMBUHAN EKONOMI AMAT TERHAD.

TAMBAHNYA KEJAYAAN-KEJAYAAN EKONOMI BUKANLAH TIDAK DISENGAJAKAN
TETAPI DILAKSANAKAN MENERUSI DASAR-DASAR YANG DIPELAJARI DARI SATU
SAMA LAIN DAN DIAMALKAN OLEH SETIAP NEGARA ANGGOTA. -- LAGI
1021/MK

MAHATHIR 4 NEW YORK R'R'R'R'R

SEBELUM ASEAN DITUBUHKAN, TERDAPAT NEGARA-NEGARA DI ASIA TENGGARA YANG CENDERUNG MENGAMALKAN SISTEM EKONOMI YANG +ULTRA-NASIONALIS+. FIRMA-FIRMA PEGANGAN ASING DIMILIKNEGARAKAN SECARA PAKSAAN.

TETAPI SETELAH MEMPELAJARI DARI LAIN-LAIN NEGARA ASEAN YANG IA BUKANLAH JALAN UNTUK MENCAPAI KEMAKMURAN, MAKA SIKAP MEMILIK-NEGARA SESUATU TELAH DIGUGURKAN, KATANYA.

KESEMUA NEGARA ASEAN KINI MENGAMALKAN PERDAGANGAN SECARA BEBAS DAN PERUSAHAAN BEBAS.

+MODAL ASING DIALU-LUKAN OLEH SEMUA, DAYAUSAHA BAGI PELABURAN-PELABURAN ADALAH PERKARA BIASA DAN USAHASAMA-USAHASAMA SANGAT POPULAR.

+SEBALI NYA, INDONESIA TELAH MENGAJAR NEGARA-NEGARA PENGELUAR MINYAK YANG BARU DI ASIA TENGGARA BAGAIMANA UNTUK MENJALANKAN TANAH-MENAWAR DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK ASING,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI 1036/PA

MAHATHIR 5 NEW YORK

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEMUA INI, BAGAIMANAPUN, TIDAK KETARA DIANGGAP SEBAGAI KEJAYAAN-KEJAYAAN ASEAN.

+PADA PANDANGAN ORANG-ORANG ASING TERUTAMANYA, ASEAN TELAH GAGAL KERANA IA TIDAK BERJAYA MENUBUHKAN SEBUAH PASARAN BERSAMA+, KATANYA.

BELIAU MENERANGKAN SATU PASARAN BERSAMA BUKANLAH APA YANG DIMPIKAN OLEH PARA PEMIMPIN ASEAN BILA MEREKA BERSETUJU. MENUBUHKAN KUMPULAN TERSEBUT. ORANG MULA MENGANGGAP ASEAN SEBAGAI SEBUAH PASARAN BERSAMA CUMA SELEPAS PERSATUAN ITU DITUBUHKAN.

INI ADALAH KERANA ORANG RAMAI SECARA OTOMATIK TERINGAT AKAN KESATUAN EKONOMI EROPAH BILA MEREKA TERSUA DENGAN SEBUAH KUMPULAN SEUMPAMA ITU.

+UNTUK RAMAI ORANG, SELAIN DARIPADA KESELAMATAN, KUASA EKONOMI IALAH SATU-SATUNYA SEBAB TERTUBUHNYA SATU KUMPULAN BAGI JIRAN-JIRAN. -- LAGI 1050/PA

MAHATHIR 6 NEW YORK R'R'R'

+PARA PENIAGA ASING MENGANGGAP SESEBUAH KUMPULAN NEGARA-NEGARA SEBAGAI SATU PENYELESAIAN TERHADAP MASALAH KETIKA BERURUS DENGAN NEGARA-NEGARA YANG MASING-MASING MEMPUYAI UNDANG-UNDANG DAN KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN SENDIRI.

+BETAPA MUDAHNYA BAGI MEREKA JIKA MEREKA DAPAT MEMASUKI PASARAN LIMA NEGARA MENERUSI SEBUAH NEGARA YANG MEREKA KETAHUI. JADI MEREKA MENUNGGU PENUH HARAPAN BAGI TANDA-TANDA YANG SEKATAN-SEKATAN KASTAM ANTARA NEGARA-NEGARA ASEAN AKAN DITURUNKAN.

+WALAUPIUN BERIBU-RIBU BARANGAN KINI TELAH DIBARI LAYANAN TARIFF ISTIMEWA, SATU KELONGGARAN KEPADA SEKATAN-SEKATAN KASTAM BELUM BERLAKU. DENGAN ITU, ASEAN TELAH GAGAL DARI PANDANGAN ORANG-ORANG INI, +KATANYA.

DATUK SERI DR. BERKATA PARA PENIAGA TEMPATAN, BAGAIMANAPUN MEMPUYAI IDEA-IDEA YANG BERLAINAN.

+NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN DENGAN PASARAN DALAM NEGERINYA YANG KECIL SEPERTI SINAPURA SUDAH PASTI INGIN MENGHAPUSKAN SEKATAN-SEKATAN TARIFF. -- LAGI 1108/PA

MAHATHIR 7 NEW YORK R'R'R'

+TETAPI PARA PENIAGA INDONESIA DAN KERAJAAN REPABLIK ITU MAHU MENGEKALKAN POTENSI TENAGA PEKERJA 150 JUTA PENDUDUKNYA UNTUK DIRI SENDIRI. BEGITU JUGA HALNYA DENGAN NEGERI THAI DAN FILIPINA YANG MASING-MASING MEMPUYAI KIRA-KIRA 45 JUTA PENDUDUK.

+MALAYSIA PULA BERADA DI TENGAH-TENGAH. DENGAN CUMA 14.5 JUTA PENDUDUK, MALAYSIA MASIH DAPAT MEMPUYAI PASARAN KERETA PENUMPANG YANG TERBESAR DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ASEAN BERLIMA KERANA IA MERUPAKAN SATU PASARAN YANG KAYA, KATANYA.

SAMBIL MENGGARISKAN SEJARAH ASEAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KUMPULAN ITU DIBENTUK DENGAN MATLAMAT-MATLAMAT TERHAD, YANG DIFIKIRKAN SEBAGAI SEBUAH FORUM UNTUK MENGATASI MASALAH-MASALAH HUBUNGAH DI ANTARA JIRAN-JIRAN YANG KETIKA ITU TIDAK TAHU TENTANG DIRI SENDIRI.

KELIMA-LIMA NEGARA, WALAUPIUN MEMPUYAI PERSAMAAN-PERSAMAAN ETHNIK, SANGAT BERBEZA DARI SEGI SEJARAH DAN POLITIK.

KATANYA KERJASAMA EKONOMI BUKANLAH MOTIF DI SEBALIK PENUBUHAN ASEAN. IA JUA BUKAN SATU KONSEP STRATEGIK YANG DIATUR UNTUK MENJADIKAN KELIMA-LIMA NEGARA ITU SEBAGAI SEBUAH PAKATAN EKONOMI DAN POLITIK UNTUK MENAKUTKAN JIRAN-JIRANNYA. -- LAGI 1128/PA

MAHATHIR 8 NEW YORK

+ASEAN IALAH CUMA SATU PENYELEBAIAN BEMENTARA KEPADA MASALAH PERHUBUNGAN ANTARA JIRAN-JIRAN YANG MERUPAKAN ORANG ASING SESAMA SENDIRI.

+TETAPI SETELAH IA DITUBUHKAN, LEBIH BANYAK YANG DIHARAPKAN DARINYA DARIPADA YANG DIFIKIRKAN OLEH PARA PENGASASNYA. HARAPAN SEPERTI INILAH YANG MEMBUAT ASEAN DIANGGAP SEBAGAI TIDAK MENCAPAI MATLAMATNYA, +KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA ASEAN IALAH SEBUAH KUMPULAN SERANTAU YANG TELAH MENGHASILKAN KEPUTUSAN-KEPUTUSAN POSITIF DARI SEGI KEMAKMURAN EKONOMI DAN KESTABILAN SERANTAU.

KEJAYAAN ATAU SEBALIKNYA SESEBUAH PERTUBUHAN SERANTAU ITU TIDAK BERGANTUNG KEPADA KONSEP KERJASAMA KEJIRANAN SEMATA-MATA TETAPI JUGA KEPADA KESANGGUPAN UNTUK MENGETAHUI DAN MEMAHAMI SAMA SENDIRI DAN MENERIMA KELEMAHAH-KELEMAHAN UNTUK BERGERAK DALAM KEADAAN-KEADAAN ITU.

TERDAHULU DARI ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGUNJUNGI SETIAUSAHA AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU ENCIK JAVIER PEREZ DE CUELLAR DAN MENGHADIRI PERJUMPAAN HARI RAYA HAJI DIKEDIAMAN WAKIL TETAP MALAYSIA KE BANGSA-BANGSA BERSATU TUN SRI ZAINAL ABIDIN SULONG. -- BERNAMA 1147/PA